



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Harakah
Date	31/1/2011

PM berbohong, Rosmah perlu beri penjelasan

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok berkata kewujudan Bahagian Wanita Pertama Malaysia atau *First Lady of Malaysia* (FLOM) adalah bukti Dato' Sen Najib Tun Razak telah berbohong di Dewan Rakyat

Menurut Kok, dalam jawapan Perdana Menteri kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera, Liew Chin Tong, Najib berkata Rosmah tidak diperuntukkan elaun perjalanan ataupun mempunyai kakitangan sepenuh masa.

Menurut Najib, mengikut undang-undang, isteri Perdana Menteri hanya dibenarkan menuntut perbelanjaan perjalanan sekiranya beliau menemaninya bagi lawatan rasmi.

Kok berkata kewujudan divisyen FLOM yang disenaraikan dalam laman direktori Jabatan Perdana Menteri (JPM) membuktikan Najib sebenarnya berbohong.

"Hakikat direktori di laman web itu yang tiba-tiba hilang beberapa hari lalu selepas dikritik oleh orang awam membuatkan kewujudan bahagian ini semakin mencurigakan," katanya kepada *Malaysiakini*.

Exco Kerajaan Selangor itu berkata dengan pendedahan tersebut, Najib harus memberi penjelasan dan mengalami bahawa dia telah memesongkan Dewan Rakyat dan rakyat Malaysia.